

Masalah *Nāsikh* dan *Mansūkh*¹

Pendapat *Muḥaqqiqīn* Berkenaan *Nasikh* al-Qur'an.

Di antara mujtahid-mujtahid yang kebilangannya, seperti al-Imām al-Shāfi'ī dan juga di antara ahli-ahli tafsir, bahkan golongan yang terbanyaknya, berpendapat dan berpegang kuat kepada pendapatnya, itu, iaitu: Sebahagian dari ayat-ayat al-Qur'an yang masih terdapat di dalamnya, dibaca dan tilawahkan, telah *dimansūhkan* hukumnya; tidak diamalkan lagi. Ayat-ayat itu *dimansūhkan* oleh ayat-ayat lain. Ayat-ayat yang mereka anggap telah *dimansūhkan*, mereka namai: "*mansūhah*". Manakala ayat-ayat yang mereka anggap *memansūhkan*nya, mereka namai: "*Nāsikhah*".

Pendapat tersebut, telah berkembang luas dalam masyarakat, bersesuaian dengan perkembangan mazhab yang mempunyai pendapat-pendapat itu.

Sebenarnya pendapat tersebut di bantah keras oleh beberapa ahli tafsir yang telah mendalamkan pemeriksaannya dalam "*nāsikh* dan *mansūkh*" ini.

Di antara ahli-ahli tafsir yang membantah keras tentang adanya ayat-ayat *mansūkh* dalam al-Qur'an, ialah: Abū Muslim al-Iṣfahānī (322 H). Pendapat Abū Muslim itu dikuatkan pada masa yang akhir-akhir ini oleh al-Imām al-Shaykh Muḥammad 'Abduh (1354 H), Dr Tawfik Ṣiddiqī dan al-Ustādh al-Khudrī.

al-Fakhr al-Rāzī, ahli al-tafsīr yang terkenal, cenderung

kepada pendapat Abū Muslim.

Al-Shāfi'ī dan ulama-ulama yang sependapat dengan dia berhajat bagi menetapkan adanya ayat-ayat yang *mansūkh* (hukuman) dalam al-Qur'an dengan alasan:

1. Firman Allah Ta'ala: *Mā nansakh min āyatin*

aw nunsīhā na'ti bi khayrin minhā aw mithlihā

Ertinya: "Apa-apa yang kami hapuskan dari

sesuatu ayat atau kami jadikan dia dilupai,

nescaya kami diingatkan yang lebih baik daripadanya, atau

yang sepertinya" (106, al-Baqarah).

2. Firman Allah Ta'ala: *Wa idhā baddalnā āyatan makkāna*

āyatin. (al-Nahl)

Oleh kerana terdapat perlawanan antara zahir

beberapa ayat dengan zahir beberapa ayat yang lain. Contohnya,

kata mereka, ialah ayat "wasiat" dengan ayat "mewaris"

Ayat yang zahirnya bertentangan dengan sesuatu ayat

yang lain, dan tidak dapat mereka persesuaian,

mereka pandang bahawa salah satunya "*mansūkh*" dan

yang satu lagi "*nāsikhah*" iaitu yang terkemudian turunnya.

Pandangan al-Niḥās (388 H) berjumlah 100 ayat lebih.

Ayat-ayat yang dipandang telah *mansūkh* itu, menurut

ayat-ayat ini menurut pendapat al-Niḥās berlawanan dengan

ayat-ayat lain.

¹ Dalam teks asal Qalam, tulisan Jawinya ialah *masnūkh*.

Atas dasar perlawanan yang tidak dapat dipersuakan olehnya inilah timbul dakwaannya bahawa ada sejumlah 100 ayat lebih telah *dimansūkhkan*.

Jauh di belakangnya, al-Sayūfī (911 H) menjumlahkan ayat-ayat yang dihukumkan. *Mansūkh*, iaitu sudah ia berusaha mempersuakan sejumlah besar dari ayat-ayat yang disangka tak dapat disesuaikan oleh ahli-ahli tafsir yang lain, dalam jumlah dua puluh ayat sahaja.

Al-Shawkānī (1250 H) berpendapat, bahawa ayat yang tak dapat sekali-kali kita sesuaikan hanya berjumlah delapan ayat. 12 ayat yang menurut al-Sayūfī tak dapat dipersuakan, dapat dipersuakan oleh al-Shawkānī.

Akan tetapi walaupun mereka ini ada yang memandang banyak, dan ada yang memandang sedikit, namun mereka sependapat dalam menetapkan: Ada ayat yang *dimansūkhkan*.

Abu Muslim al-'Iṣfahāmī berkata:

“Jika hukum ada dalam al-Qur’ān ayat yang telah *dimansūkhkan*, berertilah membatalkan sebahagian isinya membatalkan itu bererti menetapkan bahawa di dalam al-Qur’ān ada yang batal. Pada hal Allah berfirman menerangkan sifat al-Qur’ān:

Lā ya ‘tīhi al-bāṭil min bayni yadayhi wa lā min khalfihi.

Ertinya:”Tiada datang kepadanya kebatilan, baik di hadapannya, baik di belakangnya.”

Dan mengingatkan bahawa al-Qur’ān itu syariat yang kekal hingga hari kiamat dan menjadi hujah atas manusia sepanjang masa, tiadalah patut dan tiadalah munasabah terdapat di dalamnya ayat-ayat yang *mansūkh*. Al-sunnah boleh *dikusūkhkan*, kerana al-sunnah itu, syariat yang sebahagiannya

datang sesudahnya. Dan mengingat pula bahawa kebanyakan kandungan al-Qur’ān “*kulli ‘ām*” bukan “*juz ‘iyy khāṣ*” hukum-hukum di dalamnya diterangkan secara ‘*ajmā ‘iyy*, bukan *tafṣīliyy*. Maka yang munasabah bagi al-Qur’ān mengingat dasar-dasar ini, ialah: Ketiadaan *dimansūkhkan* suatu ayat”.

Adapun alasan *jumhūr* (ulama yang terbanyak- P.)

menolak akan faham Abū Muslim itu telah di pupus oleh beberapa ahli tafsir untuk mempertahankan pendirian Abū Muslim dan memperlihatkan kelemahan pendirian *jumhūr*, seperti berikut:

1. Firman Allah Ta’ala: “*Mā nansakh min āyatin...*”

Tiada mesti menunjuk kepada *mansūkhnya* ayat al-Qur’ān; kerana harus juga dimaksudkan dengan perkataan “*āyatin*” itu ialah “*mu ‘jizat*”, bukan ayat Qur’ān.

Dan boleh juga dikehendaki dengan “*āyatin*” ialah kitab-kitab yang telah terdahulu (yang *dimansūkhkan*) hukumnya oleh syariat Nabi Muhammad (S.A.W) dan juga harus yang dimaksudkan dengan “*mansūkh*” ialah memindahkan ayat-ayat dari *Lūh Mahfūz* kepada Nabi, kemudian ditulis ke dalam *maṣḥaf*.

Kalimah “*nasakh*” memang bermakna “*dinaqalkan*” dan kalaulah pula bermakna “mengingatkan hukum” dan dikehendaki dengan perkataan “*āyatin*” itu ayat al-Qur’ān, maka hal tersebut hanya menyatakan kebolehan (harus terjadi- P.) “*nasakh*” bukan menyatakan berlakunya

(bersambung)

[dari buah Qalam al-Fāḍil Tuan Muhammad Hayy al-Ṣiddiqi]